**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000  Faks: 03-8323 2019  Emel: info@kpwkm.gov.my

**www.kpwkm.gov.my**

kpwkm kpwkm kpwkm

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# PELAN STRATEGI KEBANGSAAN BAGI MENANGANI PUNCA PERKAHWINAN BAWAH UMUR



Ringkasan Eksekutif ini telah disediakan bersempena dengan pelancaran Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Majlis ini telah diadakan pada 16 Januari 2020 bertempat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

16 Januari 2020



**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Diterbitkan Januari 2020

Hak cipta © 2020 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada:

Ketua Setiausaha
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
NO. 55, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8000 8000  FAX: 03-8323 2019

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Pelan Strategi ini.

ISBN 978-983-3252-59-6



# ISI KANDUNGAN

Perutusan

6 YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

7 YB Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

8 Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

9 Rakaman Penghargaan

11 Pengenalan

13 Ringkasan Pelan

16 **Faktor 1:** Punca pendapatan yang rendah dan kemiskinan

19 **Faktor 2:** Kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan seksual reproduktif (SRH) dan kemahiran keibubapaan

25 **Faktor 3:** Kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah

28 **Faktor 4:** Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai pilihan terbaik dalam masyarakat untuk menyelesaikan masalah

30 **Faktor 5:** Undang-Undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun

33 **Faktor 6:** Penyelarasan data perkahwinan dan perceraian bawah umur



## PERUTUSAN
## YANG AMAT BERHORMAT
## TIMBALAN PERDANA MENTERI

Merangkap
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi yang telah melimpahkan taufik, rahmat serta hidayah-Nya untuk merealisasikan pembangunan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur ini. Perkahwinan bawah umur merupakan isu global yang turut memberi kesan di Malaysia. Kerajaan melalui KPWKM komited melaksanakan usaha-usaha bagi mengatasi isu ini bermula pada bulan Ogos 2018.

Menyedari bahawa isu ini adalah sensitif dan melibatkan agama, budaya dan adat resam, maka usaha untuk membangunkan pelan ini telah dilaksanakan dengan teliti melalui beberapa proses libat urus bersama pihak-pihak yang berkepentingan di peringkat persekutuan, negeri dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan.

Melalui pelan ini, Kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh yang merangkumi bukan sahaja daripada aspek perundangan, malah aspek pendidikan, jaringan sosial, pembasmian kemiskinan dan sistem sokongan turut diambil kira bagi menangani punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi. Pelan strategi ini merupakan satu dokumen yang dinamik. Oleh itu, saranan dan pandangan dari semua pihak amat dialu-alukan supaya pelan strategi ini sentiasa ditambah baik dan relevan untuk menangani punca perkahwinan bawah umur dengan lebih berkesan, komprehensif dan holistik.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kementerian, jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan di perigkat persekutuan dan negeri yang telah terlibat dalam memberikan kerjasama, input serta pandangan sehingga pelan strategi ini dapat dibangunkan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada UNICEF Malaysia yang turut menyumbabg dan memberi sokongan teknikal dalam penghasilan pelan ini.

Perlindungan dan hak kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama dan saya menyeru sokongan padu dan komitmen berterusan daripada semua pihak termasuk di peringkat negeri bagi menjayakan pelaksanaan program dan tindakan di bawah pelan strategi ini, demi masa depan anak-anak kita.

Terima kasih.

**YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail**





## PERUTUSAN
## YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI
## PEMBANGUNAN WANITA,
## KELUARGA DAN MASYARAKAT

Perkahwinan bawah umur menjadi isu hangat yang mendorong Kerajaan untuk mengambil iltizam bagi menangani perkahwinan bawah umur di Malaysia, lebih-lebih lagi sejak dua tahun kebelakangan ini. Susulan itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian ini termasuklah mengadakan siri konsultasi, mendapatkan pandangan pakar dalam bidang hak kanak-kanak, kesihatan, undang-undang Syariah dan Sivil serta perbandingan antarabangsa.

Umum mengetahui wujudnya perkahwinan bawah umur ini, namun tidak ramai menyedari kesan negatif perkahwinan bawah umur terhadap kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Seharusnya kanak-kanak diberi peluang untuk merealisasikan potensi mereka untuk masa hadapan yang cerah.

Justeru itu, Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur ini merupakan manifestasi usaha, kesungguhan dan hasrat murni Kerajaan untuk menangani isu ini.

Saya berharap sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan ini, kita akan bersama-sama dalam mencari penyelesaian kepada perkahwinan bawah umur dan mencipta peluang kehidupan yang lebih baik untuk semua anak-anak kita, pemimpin masa depan negara.

Terima kasih.

**YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan**



## PERUTUSAN
## KETUA SETIAUSAHA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kementerian ini amat berterima kasih kepada semua agensi peringkat Kementerian, Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan UNICEF yang telah terlibat dalam penerbitan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Pelan ini diterbitkan bagi menangani punca-punca perkahwinan bawah umur.

Pelan ini mengandungi 7 objektif, 17 strategi dan 58 program untuk dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri dalam menangani punca-punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi. Sebanyak 61 agensi akan terlibat sebagai agensi pelaksana bagi program dan tindakan ini. Pelbagai program akan dilaksanakan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang untuk tempoh lima tahun. Tujuan utama program-program ini dirancang adalah untuk meningkat kesedaran, mengubah persepsi dan stigma yang dikaitkan dengan isu perkahwinan bawah umur di kalangan masyarakat. Program yang dirancang melibatkan sokongan ekonomi, kepentingan pendidikan, pengukuhan institusi keluarga, kesedaran pendidikan kesihatan seksual reproduktif, perubahan perundangan dan pengumpulan data bagi memastikan objektif pelan ini tercapai.

Bagi memastikan pelaksanaan program dan tindakan ini berjalan seperti yang dirancang, kerjasama dan komitmen amat diperlukan dari semua pihak berkepentingan terutamanya di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi menangani isu perkahwinan bawah umur daripada terus berlarutan. Sebarang cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan pelan ini juga amat dialu-alukan dan dihargai demi menjamin masa depan kanak-kanak di Malaysia terus cerah.

**YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin**





# PENGHARGAAN


Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi berkenaan di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam penghasilan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
2. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
4. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
5. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
6. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
7. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)
8. Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
9. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
10. Kementerian Sumber Manusia (KSM)
11. Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak (Sarawak) (KWKPK)
12. Kementerian Undang-Undang Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (KUHEAN)
13. Jabatan Peguam Negara (AGC)
14. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM)
15. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
16. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
17. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
18. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
19. Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN)
20. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
21. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (PERPADUAN)
22. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
23. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
24. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
25. Institut Sosial Malaysia (ISM)
26. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
27. Majis Adat Istiadat Sarawak

### MAJLIS AGAMA NEGERI-NEGERI

1. Majlis Agama Islam Selangor
2. Majlis Agama Islam Negeri Kedah
3. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
4. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
5. Majlis Agama Islam Melaka
6. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
7. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
8. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
9. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
10. Majlis Agama Islam Negeri Johor
11. Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Terengganu
12. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
13. Majlis Agama Islam Sabah
14. Majlis Agama Islam Sarawak

### JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI

1. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
2. Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Kedah
3. Jabatan Agama Islam Pahang
4. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
5. Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Islam Perlis
6. Jabatan Agama Islam Selangor
7. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
8. Jabatan Agama Islam Johor
9. Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan
10. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan
11. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang
12. Jabatan Agama Islam Melaka
13. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah
14. Jabatan Agama Islam Sarawak

### PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

*Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST).*

### PERTUBUHAN ANTARABANGSA

KPWKM ingin merakamkan penghargaan khas kepada The United Nation Children's Fund (UNICEF) bagi perkongsian strategi dan sokongan teknikal kepada KPWKM dalam penghasilan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur.



# PENGENALAN

Kanak-kanak adalah masa depan negara ini, pemimpin hari esok. Melalui mereka, kita menaruh harapan, aspirasi, impian dan janji Malaysia yang lebih baik. Mereka seharusnya diberi peluang untuk menikmati masa dan pengalaman zaman kanak-kanaknya sambil mengemudi laluan menuju alam dewasa. Walau bagaimanapun, biarpun hasrat tersebut murni, kita terus melihat episod sedih kanak-kanak yang dilucutkan hak mereka, dinafikan peluang untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya. Perkahwinan bawah umur merupakan contoh episod sedih kehilangan itu dan masyarakat telah melihat perkara ini berulang kali.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan telah memulakan perjalanan yang sukar namun diperlukan, untuk menangani isu perkahwinan bawah umur ini. Sebagai penyataan pendirian Kerajaan ini, Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur telah diperkenalkan. Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur atau singkatannya 'Pelan' adalah kemuncak kepada lebih daripada setahun usaha yang melibatkan siri perbincangan, perkongsian strategi dan kerjasama peringkat tertinggi yang melibatkan Kementerian dan Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Pertubuhan Antarabangsa dan penyertaan kanak-kanak.

- **26 SEPTEMBER 2018**
  Pembentangan Nota Jemaah Menteri mengenai Inisiatif Bagi Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan dalam Perundangan di Malaysia;

- **16 OKTOBER 2018**
  Pembentangan mengenai Cadangan Kerajaan untuk Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan Dalam Perundangan Yang Berkaitan di Malaysia kepada Majlis Raja-Raja yang ke-250;

- **16 OKTOBER 2018**
  Pembentangan mengenai Cadangan Kerajaan untuk Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan Dalam Perundangan Yang Berkaitan di Malaysia kepada Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-132;

- **14 NOVEMBER 2018**
  Surat Cadangan Kerajaan untuk Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan kepada 18 tahun di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing dikemukakan ke pejabat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri;

- **30 NOVEMBER 2018**
  Surat Cadangan Kerajaan untuk Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan kepada 18 tahun di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing dikemukakan ke pejabat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri;

- **25 FEBRUARI 2019**
  Mesyuarat Libat Urus Pertama Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sesi ini memberi tumpuan kepada pemahaman punca perkahwinan kanak-kanak seperti yang diketengahkan dalam penyelidikan perkahwinan kanak-kanak oleh UNICEF pada tahun 2018. Draf Strategi dan Pelan Hala Tuju untuk Menamatkan Perkahwinan Bawah Umur oleh UNICEF juga dibentangkan. Kehadiran ke sesi ini melibatkan wakil dari Kementerian / Agensi Kerajaan, Ahli Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak, UNICEF, Pertubuhan Bukan Kerajaan Kanak-Kanak, Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Keluarga;

- **9 JULAI 2019**
  Mesyuarat Libat Urus Kedua Mengenai Perkahwinan Bawah Umur dipengerusikan oleh Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM. Sesi ini dihadiri oleh wakil dari Kementerian / Agensi Kerajaan, wakil beberapa Majlis Agama Islam Negeri dan wakil beberapa Jabatan Agama Islam Negeri. Sesi ini memberi tumpuan kepada perancangan negara untuk menangani punca perkahwinan bawah umur berdasarkan draf yang dibentangkan oleh UNICEF; dan

- **25 JULAI 2019**
  Mesyuarat Libat Urus Ketiga Mengenai Perkahwinan Bawah Umur dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sesi ini meneruskan perbincangan menyediakan Pelan Strategi Negara dan dihadiri oleh wakil dari Kementerian / Agensi Kerajaan, wakil beberapa Majlis Agama Islam Negeri, wakil beberapa Jabatan Agama Islam Negeri, pakar mengenai bidang kanak-kanak, UNICEF dan wakil Majlis Perwakilan Kanak-Kanak Kebangsaan. Pada akhir sesi, satu Draf mengenai Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur telah disediakan.

Pelan ini adalah sejajar dengan objektif Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Pewujudan pelan ini adalah berdasarkan kepada konsep yang dipandu oleh prinsip teras Konvensyen; kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan. Pelan ini mengandungi program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur. Program dan tindakan yang dirancang mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran. Pelan ini akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun iaitu daripada 2020 sehingga 2025. Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur akan ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan Pelan ini.

Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia akan ditubuhkan seiring dengan pelaksanaan Pelan ini. Jawatankuasa ini akan memantau pelaksanaan dan perkembangan program dan tindakan yang dirancang. Selain itu, Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini akan berkuat kuasa dari selama lima tahun sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan.



# RINGKASAN PELAN




**61** buah agensi Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Pertubuhan Antarabangsa.

**2020 sehingga 2025**
Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang.

# PELAN STRATEGI KEBANGSAAN BAGI MENANGANI PUNCA PERKAHWINAN BAWAH UMUR

| | FAKTOR 1 | FAKTOR 2 | FAKTOR 3 | FAKTOR 4 | FAKTOR 5 | FAKTOR 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **FAKTOR** | Punca **pendapatan** yang rendah dan Kemiskinan. | Kekurangan atau ketidaan **pendidikan kesihatan reproduktif seksual (SRH)** dan pendidikan keibubapaan. | Kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke **sekolah** yang rendah. | **Stigma** dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai pilihan terbaik dalam masyarakat untuk menyelesaikan masalah. | **Undang-Undang longgar** yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun. | Penyelarasan **data perkahwinan** dan perceraian bawah umur. |
| **OBJEKTIF** | Meningkatkan keberkesanan **perlindungan sosial** dan *livelihood* support (bantuan sara hidup) kepada kumpulan isi rumah B40. | 1. Memastikan kanak-kanak lelaki dan perempuan mendapat **akses** kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan reprodktif seksual / ***sexual reproductive health (SRH)*** serta faham akan kepentingan melindungi diri daripada aktiviti yang menyebabkan kehamilan.<br>2. Memastikan **ibu bapa / penjaga** mendapatkan pendidikan mengenai **keibubapaan** dan mampu berkomunikasi mengenai SRH dengan anak-anak. | Meningkatkan **akses** kepada pendidikan dan kehadiran ke **sekolah** melalui dasar perundangan, program dan advokasi | **Menangani** stigma dan norma sosial pelbagai pihak terlibat terhadap isu-isu perkahwinan bawah umur. | **Memastikan** perundangan, peraturan dan garis panduan yang digubal mengenai perkahwinan bawah umur selari dengan dasar Kerajaan untuk memastikan perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak terjamin. | **Memastikan** data mengenai perkahwinan dan perceraian bawah umur adalah komprehensif dan menepati keperluan semasa. |
| **STRATEGI** | **S1** Menyediakan bantuan kewangan mengikut kumpulan umur kanak-kanak.<br>**S2** Meningkatkan akses kepada kumpulan B40 kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.<br>**S3** Memperkukuh penyelarasan dan penumpuan kepada program sokongan sosioekonomi dan *outreach* sedia ada. | **S1** Menyediakan platform penyampaian maklumat SRH kepada ibu bapa / penjaga dan kanak-kanak.<br>**S2** Menyediakan perkhidmatan SRH yang mesa kanak-kanak dan remaja wanita.<br>**S3** Memberikan panduan dan sokongan kepada ibu bapa / penjaga dalam memperbaiki ilmu keibubapaan.<br>**S4** Mengukuhkan institusi keluarga melalui penyampaian maklumat, bimbingan dan kemahiran kepada ibu bapa / penjaga. | **S1** Meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan ke atas kanak-kanak.<br>**S2** Memastikan penguatkuasaan perundangan sedia ada untuk memastikan ibu bapa / penjaga mendaftar dan mengekalkan kehadiran anak ke sekolah.<br>**S3** Menambah baik dasar dan perundangan mengenai pendidikan dan pendidikan wajib.<br>**S4** Menyediakan sokongan dan kemudahan kepada kanak-kanak / belia yang tercicir daripada pendidikan aliran perdana untuk menceburi bidang yang dapatmemastikan kelangsungan hidup (survival) mereka. | **S1** Menyediakan mekanisma dan platform untuk membincangkan mengenai norma dosial dan stigma pelbagai pihak terlibat terhadap isu-isu perkahwinan bawah umur.<br>**S2** Menangani isu perkahwinan bawah umur melalui pelan komunikasi strategik. | **S1** Memastikan perundangan sedia ada selari dengan dasar Kerajaan dalam menghalang perkahwinan di bawah umur 18 tahun.<br>**S2** Memastikan pihak berkuasa mempunyai garis panduan dalam mempertimbangkan permohonan perkahwinan bawah umur.<br>**S3** Memastikan pihak yang berwajib memberikan kebenaran permohonan perkahwinan bawah umur mendapat pendedahan yang sewajarnya mengenai hak kanak-kanak. | **S1** Menyelaras stastik perkahwinan dan perceraian di Malaysia termasuklah di bawah umur 18 tahun. |
| **PROGRAM / TINDAKAN** | 11 | 21 | 10 | 7 | 8 | 1 |

## FAKTOR 1:
# Punca pendapatan yang rendah dan kemiskinan

**OBJEKTIF:**
Meningkatkan keberkesanan perlindungan sosial dan bantuan sara hidup *(livelihood support)* kepada kumpulan isi rumah B40.

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menyediakan bantuan kewangan mengikut kumpulan umur kanak-kanak. | Menyediakan skim perlindungan sosial *Child Grant* untuk kanak-kanak B40 di bawah umur 5 tahun. | 1. Satu skim *Child Grant* diwujudkan untuk kanak-kanak B40.<br>2. Bilangan kanak-kanak B40 di bawah umur 5 tahun menerima *Child Grant*. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. ICU, JPM (Agensi peneraju)<br>2. MOF<br>3. KPWKM (JKM)<br>4. KPLB | Memastikan kanak-kanak di bawah 5 tahun dalam kategori B40 mendapat sumber untuk perkembangan dalam aspek fizikal dan pendidikan. |
| | | Menyediakan elaun akses pendidikan untuk kanak-kanak B40 yang menghadiri sekolah menengah *(Conditional Stipend)*. | 1. Satu skim elaun akses pendidikan untuk kanak-kanak B40 diwujudkan.<br>2. Bilangan kanak-kanak B40 menghadiri sekolah menengah yang menerima elaun akses pendidikan. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. ICU, JPM (Agensi peneraju)<br>2. KPM<br>3. MOF | Mengurangkan kadar keciciran kanak-kanak di sekolah menengah. |
| 2. | Meningkatkan akses kumpulan B40 kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. | Memperkukuh institusi asuhan awal kanak-kanak awam sedia ada melalui Jawatankuasa Pendidikan Awal Kanak-kanak Bersama KPWKM dan KPM. | 1. Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Awal Kanak-kanak Bersama KPWKM dan KPM diadakan setiap tahun.<br>2. Peningkatan pertambahan institusi asuhan awal kanak-kanak.<br>3. Peningkatan kanak-kanak B40 mendaftar di institusi asuhan awal kanak-kanak sedia ada. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. KPWKM (Agensi peneraju)<br>2. KPM<br>3. KPLB<br>4. JKM<br>5. JPNIN<br>6. ISM | 1. Kumpulan B40 mendapat akses kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.<br>2. Peningkatan kumpulan B40 yang mendapat akses kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. |
| 3. | Memperkukuh penyelarasan dan penumpuan kepada program sokongan sosioekonomi dan *outreach* sedia ada. | Melaksanakan kajian rasionalisasi skim sokongan sosioekonomi sedia ada. | Satu kajian dilaksanakan. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. ICU, JPM (Agensi peneraju)<br>2. Semua agensi pemberi bantuan<br>3. UNICEF | Meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan perlindungan osial dan sokongan sosioekonomi sedia ada. |
| | | Memperkukuh pangkalan data e-kasih di bawah ICU, JPM. | 1. Semua senarai nama B40 dan B20 dari negeri dimasukkan dalam data e-kasih.<br>2. Laporan pengemaskinian data e-kasih setiap 6 bulan. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. ICU, JPM (Agensi peneraju)<br>2. Semua agensi pemberi bantuan<br>3. Institusi zakat / baitulmal | Pangkalan data yang bersepadu untuk semua skim perlindungan sosial sedia ada. |
| | | Melaksanakan Program Peningkatan Pendapatan atau Keusahawanan. | 1. Bilangan peserta keluar daripada kategori B40. (KPLB)<br>2. Bilangan belia menyertai program keusahawanan. (KBS) | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. KPLB<br>2. KBS | 1. Meningkatkan pendapatan isi rumah B40.<br>2. Mengurangkan kadar pengangguran.<br>3. Memupuk pembudayaan keusahawanan.<br>4. Mencipta peluang pekerjaan baharu. |
| | | Melaksana Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya atau TVET. | 1. Bilangan peserta dapat memasuki pasaran kerjaya. (KPLB)<br>2. Bilangan peserta dapat memasuki pasaran kerjaya. (KBS) | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPLB<br>2. KBS | |
| | | Melaksana latihan TVET kepada keluarga B40. | 1. Bilangan peserta adalah daripada keluarga B40. (KPLB)<br>2. Bilangan peserta adalah di bawah kategori B40. (KBS) | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPLB<br>2. KBS | |
| | | Memperkukuh latihan kemahiran dan program keusahawanan sedia ada. | Bilangan peserta yang menyertai latihan kemahiran dan program keusahawanan. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. JPW | |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Menyediakan kemudahan geran / modal niaga untuk memulakan perniagaan / menjana pendapatan. | Bilangan peserta program keusahawan yang dihubungkan oleh dengan agensi pemberi geran / modal perniagaan. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. KPLB (Agensi peneraju)<br>2. JPW | |
| | | Memperkukuh profesion kerja sosial dan sistem pengurusan kes. | 1. *Mapping* peluang kerjaya dan latihan kapasiti di setiap negeri diwujudkan.<br>2. Bilangan *klien* dalam B40 mendapat akses kepada latihan kapasiti. | Jangka Pendek: 2020-2021 | 1. JKM (Agensi peneraju)<br>2. KSM<br>3. JTK Negeri | Profesion kerja sosial dan sistem pengurusan kes diperkukuh bagi memastikan *klien* diberikan akses kepada latihan kapasiti untuk meningkat taraf sosioekonomi. |



## FAKTOR 2:
# Kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan seksual reproduktif (SRH) dan kemahiran keibubapaan

**OBJEKTIF:**

1. Memastikan kanak-kanak lelaki dan perempuan mendapat akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan seksual reproduktif / *sexual reproductive health* (SRH) serta faham akan kepentingan melindungi diri daripada aktiviti yang menyebabkan kehamilan remaja; dan
2. Memastikan ibu bapa / penjaga mendapat akses kepada pendidikan dan kemahiran mengenai keibubapaan serta mampu untuk menangani konflik kekeluargaan.

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menyediakan platform penyampaian maklumat SRH kepada ibu bapa / penjaga dan kanak-kanak. | Memperkukuhkan jawatankuasa pelbagai disiplin melibatkan kanak-kanak, NGO, media dan industri untuk menyelaraskan penyampaian maklumat dan perkhidmatan kesihatan SRH. | 1. Sebuah jawatankuasa khas diwujudkan untuk menyelaras isu SRH daripada pelbagai agensi pelaksana.<br>2. Jawatankuasa bermesyuarat 3 kali setahun.<br>3. Pembangunan pelan tindakan penyampaian pendidikan SRH menjelang tahun 2020 (Q4). | Jangka panjang: 2020(Q2) – 2025 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. KKM<br>3. KPM<br>4. JAKIM<br>5. MCCBCHST | 1. Pemimpin komuniti, agama, guru dan ibu bapa / penjaga memahami keperluan dan kepentingan SRH melalui sebaran maklumat.<br>2. Ahli masyarakat khususnya kanak-kanak remaja mendapat maklumat mengenai kepentingan SRH dengan meluas dan efektif. |
| | | Meneliti hasil dan jurang perbezaan antara kajian-kajian yang telah dilaksanakan terhadap SRH dalam kurikulum pendidikan sedia ada. | 1. Kemasukan maklumat mengenai SRH dalam kurikulum di sekolah.<br>2. Pelaksanaan kajian impak untuk menilai keberkesanan. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. KPM (Agensi peneraju)<br>2. LPPKN<br>3. KKM | Maklumat mengenai SRH dalam kurikulum di sekolah dapat disampaikan oleh guru kepada pelajar dengan lebih efektif. |
| | | Mengintegrasikan silibus SRH dalam mata pelajaran yang sedia ada (elemen merentas kurikulum) dalam latihan perguruan dan universiti. | Pelaksanaan kurikulum SRH dalam latihan perguruan dan universiti. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPM | Semua guru dan graduan universiti mempunyai pengetahuan SRH untuk disampaikan kepada pelajar sekolah dengan lebih efektif. |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Menyampaikan pendidikan SRH kepada kanak-kanak yang keciciran daripada sistem pendidikan serta kumpulan kanak-kanak migran dan pelarian. | 1. Dua bilangan seminar SRH diadakan setiap tahun seminar SRH kepada kumpulan kanak-kanak migran dan pelarian.<br>2. Bilangan seminar SRH diadakan setiap tahun seminar SRH kepada kanak-kanak yang keciciran daripada sistem pendidikan. (KPM) | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. KPM | Kanak-kanak keciciran daripada sistem pendidikan serta kumpulan kanak-kanak migran dan pelarian mendapat akses kepada pendidikan SRH. |
| | | Melaksana pemantauan dan penilaian bagi mengenal pasti kelemahan dan kelebihan dalam cara pembelajaran mengenai SRH yang sedang dilaksanakan | Kajian penilaian *outcome* bagi menilai keberkesanan kurikulum SRH di sekolah-sekolah | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPM | Cara pembelajaran mengenai SRH dapat ditambah baik dan boleh disampaikan oleh guru-guru dengan lebih berkesan. |
| | | Menghasilkan video / *edutainment* mengenai SRH. | 1. Menghasilkan video / *edutainment* mengenai SRH.<br>2. Satu tinjauan pendapat mengenai penggunaan dan kesedaran akan kewujudan video / *edutainment* yang dihasilkan.<br>3. 70 peratus remaja mendapat kefahaman daripada mesej yang disampaikan. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. KKMM | Ahli masyarakat dan pelajar mendapat maklumat SRH dengan lebih berkesan. |
| | | Menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan yang bersesuaian dengan remaja dalam bentuk info grafik untuk saluran media digital. | Infografik dimuat naik dalam saluran media sosial semua Kementerian sepanjang tahun. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. KKM | |
| | | Meluaskan pendidikan SRH kepada pelajar melalui program-program di sekolah. | Program Doktor Muda dimuatkan dengan aktiviti / elemen SRH. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. KKM | |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2. | Menyediakan perkhidmatan SRH yang mesra kanak-kanak dan remaja (lelaki dan perempuan). | 1. Mewujudkan perkhidmatan SRH yang mesra kanak-kanak dan remaja terutamanya kanak-kanak / remaja hamil di hospital, klinik dan Klinik Nur Sejahtera dan Pusat Remaja KafeTEEN.<br>2. Memantapkan operasi prosedur standard (SOP) pengendalian kanak-kanak terutamanya remaja untuk Pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan kesihatan. | 1. Bilangan kedatangan kanak-kanak / remaja yang menerima perkhidmatan di hospital dan klinik.<br>2. Bilangan hospital dan klinik yang menyediakan perkhidmatan mesra kanak-kanak / remaja termasuk perkhidmatan SRH.<br>3. 17 bilangan Pusat Remaja KafeTEEN / Klinik Nur Sejahtera menyediakan *best practice* perkhidmatan SRH.<br>4. Peningkatan kepuasan perkhidmatan melalui Index kepuasan pelanggan. (KKM)<br>5. Pencapaian 70 peratus tahap kepuasan perkhidmatan melalui Index kepuasan pelanggan. (LPPKN) | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KKM (Agensi peneraju)<br>2. LPPKN | 1. Pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan kesihatan mempunyai kemahiran yang lebih baik dengan menepati standard minimum dalam mengendali kanak-kanak dan remaja.<br>2. Kanak-kanak / remaja yang hamil mempunyai akses kepada perkhidmatan SRH yang lebih mesra untuk mengelakkan stigma.<br>3. Bilangan kes pembuangan bayi dapat dikurangkan. |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Latihan mengenai pendidikan SRH kepada Pengetua Institusi,kakitangan institusi, Pelindung, anggota multidisplinari, *Lay Counsellor*, guru sekolah, kaunselor sekolah, guru tabika / tadika dan pengasuh taska. | 1. 240 Pengetua Institusi, kakitangan institusi dan Pelindung mendapat latihan mengenai pendidikan SRH.<br>2. Minimum 200 orang anggota multidisiplinari diberikan Taklimat Kesihatan Seksual Reproduktif Kanak-Kanak / Remaja.<br>3. Bilangan penyelia rumah perlindungan, kaunselor dan *Lay Counsellor* mendapat latihan mengenai pendidikan SRH.<br>4. Bilangan guru sekolah dan kaunselor sekolah mendapat latihan mengenai pendidikan SRH.<br>5. 40 orang pengasuh taska mendapat latihan mengenai pendidikan SRH.<br>6. Bilangan guru tadika / taska mendapat latihan mengenai pendidikan SRH. (KPLB-KEMAS)<br>7. Bilangan guru tabika Perpaduan dan Pendidik TASKA Perpaduan mengenai pendidikan SRH. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. KKM<br>3. JPW<br>4. KPM<br>5. JKM<br>6. KPLB-KEMAS<br>7. PERPADUAN<br>8. ISM | Pengetua Institusi,kakitangan institusi, Pelindung, anggota multidisplinari, *Lay Counsellor*, guru sekolah, kaunselor sekolah, guru tabika / tadika dan pengasuh taska dilengkapi dengan ilmu SRH supaya lebih mudah untuk menyampaikan pendidikan dan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang memerlukan. |



| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Menyampaikan pengetahuan dan panduan kepada ibu bapa / penjaga mengenai kemahiran keibubapaan. | Menganjurkan seminar dan bengkel keibubapaan di bandar dan luar bandar termasuk orang asli, pelarian dan minoriti. | 1. Dua seminar SRH kepada ibu bapa kumpulan minoriti.<br>2. Sekurang-kurangnya 60 peratus peserta mengamalkan pengetahuan daripada program keibubapaan selepas program. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. UNICEF | 1. Ibu bapa mendapat panduan dan bimbingan kemahiran keibubapaan termasuk menyampaikan maklumat SRH kepada anak-anak mereka.<br>2. Ibu bapa tidak mengahwinkan anak-anak mereka sejurus selepas tamat sekolah rendah atau semasa di sekolah menengah.<br>3. Norma sosial atau stigma dapat dikurangkan yang mana kanak-kanak terdedah kepada aktiviti seksual tidak selamat dan hamil luar nikah dihentikan persekolahan oleh ibu bapa. |
| | | Menyebar luas maklumat berkaitan keibubapaan / SRH kepada ibu bapa di hospital / klinik desa / klinik kesihatan / klinik swasta, Klinik Nur Sejahtera, PIBG dan Pemulihan Dalam Komuniti. (PDK) | 1. Satu set maklumat berkaitan keibubapaan / SRH disediakan untuk edaran di hospital / klinik desa / klinik kesihatan / klinik swasta. (KKM)<br>2. Satu set maklumat berkaitan keibubapaan / SRH disediakan untuk edaran di Klinik Nur Sejahtera. (LPPKN)<br>3. Satu set maklumat berkaitan keibubapaan / SRH disediakan untuk edaran kepada ibu bapa pelajar. (KPM)<br>4. Satu set maklumat berkaitan keibubapaan / SRH disediakan untuk edaran di PDK. (JPOKU) | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. KKM<br>3. KPM<br>4. JKM | |
| | | Melaksana kursus keibubapaan / SRH oleh jabatan kerajaan untuk pegawai dan kakitangan jabatan. | 1. Bilangan pegawai dan kakitangan menghadiri program keibubapaan.<br>2. Bilangan peserta mempunyai kefahaman mengenai keibubapaan / SRH *(pre and post evaluation).* | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. LPPKN | |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Menggalakkan majikan badan korporat untuk mengadakan kursus keibubapaan / SRH kepada pekerja. | 1. Bilangan badan korporat yang menganjurkan kursus keibubapaan.<br>2. Bilangan peserta mempunyai kefahaman mengenai keibubapaan / SRH *(pre and post evaluation).* | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KSM | |
| | | Menggalakkan badan korporat untuk mengadakan kursus SRH kepada komuniti sebagai sebahagian CSR. | Bilangan badan korporat yang menganjurkan kursus keibubapaan untuk pegawai yang kakitangan. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPWKM (Agensi peneraju)<br>2. LPPKN | |
| 4. | Mengukuhkan institusi keluarga melalui penyampaian maklumat, bimbingan dan kemahiran kepada ibu bapa / penjaga. | Pelaksanaan program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) yang memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti. | 1. 15 program keibubapaan FACE secara kerjasama dengan Rukun Tetangga di peringkat negeri.<br>2. Sekurang-kurangnya 60 peratus peserta mengamalkan pengetahuan daripada program keibubapaan selepas program. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. PERPADUAN-Rukun Tetangga | |
| | | 1. Cadangan memasukkan subjek SRH dalam modul pasca perkahwinan.<br>2. Pelaksanaan modul pasca perkahwinan kepada pasangan ibu bapa mengikut tempoh perkahwinan. | 1. Modul pasca perkahwinan yang mengandungi pendidikan SRH diwujudkan.<br>2. Bilangan pasangan berkahwin menyertai kursus pasca perkahwinan di negeri-negeri. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. JAKIM (Agensi peneraju)<br>2. JPN<br>3. MAIN<br>4. JAIN | |
| | | 1. Menambah baik Modul Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti dengan elemen kemahiran keibubapaan dan pendidikan anak-anak.<br>2. Mengguna pakai modul dalam latihan-latihan keibubapaan dengan lebih meluas. | 1. Modul Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti ditambah baik dengan elemen kemahiran keibubapaan dan pendidikan anak-anak.<br>2. Modul diguna pakai secara meluas. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. JAKIM (Agensi peneraju)<br>2. MAIN<br>3. JAIN | |



## FAKTOR 3:
# Kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah

**OBJEKTIF:**
Meningkatkan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah melalui dasar, perundangan, program dan advokasi.

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan ke atas kanak-kanak. | Menjalankan kajian bagi melihat senario kanak-kanak yang digunakan oleh ibu bapa / penjaga bagi membantu keluarga menjana / menambah pendapatan isi rumah. | Satu kajian kanak-kanak bekerja bagi membantu keluarga menjana / menambah pendapatan isi rumah dilaksana. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. KSM | 1. Ibu bapa akan lebih faham akan kepentingan pendidikan untuk anak-anak dan tidak akan menggunakan anak-anak mereka untuk mencari rezeki bagi membantu keluarga.<br>2. Mengurangkan bilangan ibu bapa yang menggunakan anak-anak mereka bagi tujuan menambah pendapatan.<br>3. Mengurangkan kadar keciciran kanak-kanak daripada pendidikan. |
| | | Menjalankan advokasi kepada ibu bapa untuk tidak menggunakan anak-anak dalam menjana pendapatan. | 1. 15 program advokasi keibubapaan dengan kerjasama JKM di setiap negeri.<br>2. Satu projek rintis dilaksanakan oleh LPPKN dan JKM. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. LPPKN (Agensi peneraju)<br>2. JKM | |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Menyediakan sokongan kepada:<br>i. kanak-kanak yang berisiko cicir (masih bersekolah) daripada pendidikan; dan<br>ii. keluarga kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan. | Satu program menangani kanak-kanak berisiko cicir ke sekolah:<br>- Kaunseling<br>- Bantuan makanan tambahan<br>- Bantuan wang saku | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. KPM (Agensi peneraju)<br>2. MAIN | |
| | | Melaksana program *outreach* kepada ketua kampung / imam / jawatankuasa kampung untuk:<br>i. melaporkan kanak-kanak yang tidak hadir / didaftarkan ke sekolah oleh ibu bapa / penjaga; dan<br>ii. menyampaikan maklumat mengenai kepentingan kanak-kanak bersekolah kepada keluarga yang dikenal pasti. | Program Perjumpaan diadakan dengan ketua kampung / imam / jawatankuasa kampung untuk menyampaikan maklumat mengenai kepentingan kanak-kanak untuk bersekolah dan kekal dalam pendidikan. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPLB (Agensi peneraju)<br>2. KPM | |
| 2. | Memastikan penguatkuasaan perundangan sedia ada untuk memastikan ibu bapa / penjaga mendaftar dan mengekalkan kehadiran anak ke sekolah. | Penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang mewajibkan pendidikan bermula umur 6 tahun hingga 12 tahun. | Peningkatan enrolmen kanak-kanak pada peringkat pendidikan rendah. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPM | Ibu bapa / penjaga cakna akan perundangan berkaitan kewajipan kanak-kanak 6 hingga 12 tahun untuk mendapat akses kepada pendidikan. |
| | | Penguatkuasaan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [Akta 350] dari segi umur, jenis dan kondisi pekerjaan. | Bilangan kanak-kanak yang diselamatkan di bawah Akta 350 kerana umur, jenis dan kondisi pekerjaan menyalahi peruntukan di bawah Akta 350. | Jangka Sederhana: 2020-2023 | 1. KSM (Agensi peneraju)<br>2. JKM | Ibu bapa / penjaga faham bahawa pengabaian ke atas kanak-kanak termasuklah tidak menyediakan akses kepada pendidikan. |



| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Menambah baik dasar dan perundangan mengenai pendidikan dan pendidikan wajib. | Mewujudkan dasar dan peruntukan di bawah Akta 550 yang mewajibkan kanak-kanak hadir ke sekolah hingga ke peringkat pendidikan menengah. | Akta 550 dipinda untuk melanjutkan pendidikan wajib persekolahan hingga ke pendidikan menengah. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPM | 1. Semua kanak-kanak kekal dalam sebarang kondisi kekal dalam sistem pendidikan sehingga tamat pendidikan di peringkat menengah.<br>2. Semua kanak-kanak tidak tercicir daripada pendidikan dan boleh terhindar daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang serta membawa kepada perkahwinan bawah umur. |
| | | Menyediakan akses pendidikan kepada kanak-kanak bukan warganegara. | Peraturan-Peraturan Pendidikan yang berkaitan dipinda bagi memberi akses pendidikan kepada tambahan kategori kanak-kanak bukan warganegara yang berkaitan. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPM | |
| | | Menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak hamil yang ditempatkan di pusat perlindungan dan pemulihan awam atau swasta. | 1. Sebanyak 4 institusi perlindungan dan pemulihan di bawah JKM dilengkapi dengan pendidikan aliran perdana atau kemahiran vokasional (TVET).<br>2. Jalinan kerjasama bagi penyediaan peraturan berkaitan kewajipan penyediaan akses kepada pendidikan atau kemahiran vokasional (TVET) di pusat perlindungan dan pemulihan bukan Kerajaan. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. JKM (Agensi peneraju)<br>2. MAIN<br>3. KPM | |
| 4. | Menyediakan sokongan dan kemudahan kepada kanak-kanak / belia yang tercicir daripada pendidikan aliran perdana untuk menceburi bidang yang dapat memastikan kelangsungan hidup *(survival)* mereka. | Menawarkan pendidikan TVET dan kemahiran kepada kanak-kanak / belia yang telah tercicir daripada pendidikan. | 1. Bilangan kanak-kanak yang telah tercicir mendapat pendidikan TVET atau kemahiran. (KPM)<br>2. Bilangan belia berisiko mendapat latihan kemahiran. (KBS) | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPM (Agensi peneraju)<br>2. KPLB<br>3. KBS | Kanak-kanak / belia yang tercicir daripada pendidikan dapat meneruskan kelangsungan hidup dan boleh berdikari dengan memperoleh pendidikan kemahiran. |

# FAKTOR 4:
# Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai pilihan terbaik dalam masyarakat untuk menyelesaikan masalah

**OBJEKTIF:**
Menangani stigma dan norma sosial pelbagai pihak terlibat terhadap isu-isu perkahwinan bawah umur.

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menyediakan mekanisme dan platform untuk membincangkan mengenai norma sosial dan stigma pelbagai pihak terlibat terhadap isu-isu perkahwinan bawah umur. | Mewujudkan jawatankuasa untuk mengkaji dan memahami stigma masyarakat yang membawa kepada perkahwinan bawah umur sebagai satu pilihan. | 1. Satu Jawatankuasa ditubuhkan bagi memberikan tumpuan kepada perkara-perkara spesifik berkaitan stigma masyarakat.<br>2. Satu Pelan Komunikasi Menangani Stigma dibangunkan. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. KPWKM (Agensi peneraju)<br>2. JKSM<br>3. Majlis Adat Istiadat Sarawak<br>4. Kementerian Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah<br>5. JAKIM<br>6. JPN<br>7. MCCBCHST | 1. Maklumat mengenai stigma yang wujud dalam masyarakat diperoleh untuk mengesyorkan tindakan yang sesuai<br>2. Objektif yang spesifik bagi inisiatif menangani isu perkahwinan bawah umur dibangunkan.<br>3. Pelan komunikasi menangani stigma dalam masyarakat dibangunkan dengan pemegang taruh yang dikenal pasti berdasarkan dapatan kajian. |
| 2. | Menangani isu perkahwinan bawah umur melalui pelan komunikasi strategik. | Mewujudkan pelan komunikasi strategik bagi menangani isu perkahwinan di bawah umur. | 1. Sebuah pelan komunikasi strategik diwujudkan.<br>2. Satu latihan pelaksanaan pelan komunikasi strategik diberikan kepada agensi pelaksana. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPWKM (Agensi peneraju)<br>2. KKMM | Kesedaran dan kefahaman pelbagai pihak mengenai perkahwinan bawah umur, SRH dan kepentingan pendidikan meningkat. |





| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Menyampaikan maklumat melalui media massa (media cetak dan elektronik) dan melalui media sosial (seperti *Facebook, Instagram, Twitter* dan *WhatsApps*). | 1. Pelan penyampaian maklumat melalui media masa disediakan.<br>2. Set maklumat mengenai perkahwinan bawah umur, SRH dan kepentingan pendidikan disediakan untuk dimuat naik melalui media sosial. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPWKM | |
| | | Menyampaikan maklumat mengenai perkahwinan bawah umur, SRH dan kepentingan pendidikan melalui slot seperti Forum Perdana, Seminar Pendidikan Fatwa, Khutbah Jumaat dan slot keagamaan yang bersesuaian di negeri-negeri. | 1. Set maklumat mengenai perkahwinan bawah umur, SRH dan kepentingan pendidikan disediakan.<br>2. Penyampaian maklumat melalui slot seperti Forum Perdana, Seminar Pendidikan Fatwa, Khutbah Jumaat dan slot keagamaan yang bersesuaian di negeri-negeri. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. JAKIM<br>2. MAIN<br>3. MCCBCHST | |
| | | Melaksanakan program komunikasi bersemuka melalui sesi townhall, bengkel, Program Bakti Siswa dan lain-lain. | Program komunikasi bersemuka diadakan sekurang-kurangnya 1 sesi di setiap negeri. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. KPWKM (Agensi peneraju)<br>2. KKMM<br>3. KPM<br>4. LPPKN | |
| | | Mengadakan konsultasi dengan masyarakat Orang Asli mengenai kesedaran terhadap hak kanak-kanak termasuklah mengenai perkahwinan kanak-kanak mengikut 3 kumpulan kaum dan 18 rumpun bangsa bersama Batin dan pembantu-pembantu (tok-tok adat) dan Pengerusi MPPKOA. | 1. Satu silibus kesedaran mengenai hak kanak-kanak untuk masyarakat Orang Asli dibangunkan.<br>2. Aktiviti sosial seperti Layar Bestari, gotong royong, sukaneka, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. JAKOA (Agensi peneraju)<br>2. KKMM-Jabatan Penerangan Negeri | |
| | | Melaksanakan advokasi polisi melalui komunikasi bertulis dan konsultasi. | Konsultasi bersama agensi Kerajaan, ahli akademik, pakar kanak-kanak dan NGO diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPWKM | Meningkatkan perhatian pembuat dasar terhadap isu ini dan meningkatkan kesedaran terhadap isu perkahwinan bawah umur serta punca-punca yang perlu ditangani. |

## FAKTOR 5:
# Undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun

**OBJEKTIF:**
Memastikan perundangan, peraturan dan garis panduan yang digubal mengenai perkahwinan bawah umur selari dengan dasar Kerajaan untuk memastikan perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak terjamin.

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Memastikan perundangan sedia ada selari dengan dasar Kerajaan dalam menghalang perkahwinan di bawah 18 tahun. | Melaksanakan tindakan ke arah menaikkan had umur minimum perkahwinan bagi perempuan di bawah undang-undang keluarga Islam. | Undang-undang Keluarga Islam dipinda dengan menaikkan had umur minimum perkahwinan bagi perempuan. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. JAKIM (Agensi peneraju)<br>2. AGC<br>3. MAIN | Bilangan perkahwinan bawah umur dapat dikurangkan. |
| | | Mengadakan konsultasi penyeragaman umur minimum permohonan perkahwinan kepada 18 tahun dalam Undang-Undang Keluarga Islam melalui:<br>1. konsultasi di 5 buah negeri.<br>2. konsultasi di negeri-negeri di bawah naungan YDPA.<br>3. konsultasi di negeri-negeri yang dikenal pasti.<br>4. pembentangan dalam *Munakashah.* | 1. Satu konsultasi dilaksanakan di sebanyak 5 buah negeri.<br>2. Satu konsultasi di negeri-negeri di bawah naungan YDPA<br>3. Satu konsultasi di negeri-negeri yang dikenal pasti.<br>4. Satu pembentangan dalam *Munakashah* dilaksanakan. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. JAKIM (Agensi peneraju)<br>2. AGC<br>3. MAIN | Umur minimum permohonan perkahwinan bawah umur dinaikkan kepada 18 tahun bagi perempuan dalam Undang-Undang Keluarga Islam. |



| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Menetapkan umur minimum permohonan berkahwin 18 tahun dalam undang-undang adat:<br>**Orang Asli**<br>1. Akta Orang Asli 1954<br>**Sarawak**<br>1. *Native Customs (Declaration) Ordinance 1996*<br>2. *Majlis Adat Istiadat Ordinance 1997*<br>3. *Native Courts Ordinance* 1992<br>4. Adat Iban 1993<br>5. Adat Bidayuh 1994<br>6. Adat Kayan-Kenyah 1994<br>7. Adat Bisaya 2004<br>8. Adat Lun Bawang 2004<br>9. Adat Kelabit 2008<br>10. Adat Penan 2011<br>**Sabah**<br>1. Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 (Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995<br>2. Menyediakan satu seksyen khusus dalam Kaedah berkaitan Umur Minimum Perkahwinan di bawah Enakmen | 1. Konsultasi bersama Batin dan masyarakat Orang Asli di negeri-negeri setiap kaum dan rumpun bangsa berkaitan umur perkahwinan<br>2. Akta Orang Asli 1954 dipinda dengan menetapkan 18 tahun sebagai umur minimum perkahwinan<br>3. Konsultasi bersama Ketua Adat / Ketua Kampung untuk etnik di Sarawak<br>4. Ordinan / Adat di Sarawak dipinda dengan menetapkan 18 tahun sebagai umur minimum perkahwinan<br>5. Konsultasi bersama Ketua Adat / Ketua Kampung untuk etnik di Sabah<br>6. Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 dipinda:<br>- dengan menetapkan 18 tahun sebagai umur minimum perkahwinan.<br>- satu seksyen khusus dalam Kaedah berkaitan Umur Minima Perkahwinan di bawah Enakmen | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. JAKOA<br>2. Majlis Adat Istiadat Sarawak<br>3. KUHEAN | Umur minimum perkahwinan (18 tahun) ditetapkan dalam undang-undang adat bagi Orang Asli, etnik di Sarawak dan Sabah. |
| | | Melaksanakan satu kajian untuk melihat kebarangkalian meminda peruntukan mengenai 'pembelaan' di bawah Seksyen 48(4) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi pemindahan dengan tujuan perkahwinan dan pengangkatan *bona fide* | Satu kajian untuk melihat kebarangkalian meminda Akta Kanak-Kanak 2001 dilaksanakan dan pindaan akan dilaksanakan berdasarkan syor kajian | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. KPWKM (Agensi peneraju)<br>2. JKM | Aktiviti pemindahan milikan, jagaan dan kawalan kanak-kanak bagi tujuan perkahwinan dan pengangkatan boleh dihapuskan bagi mengelakkan eksploitasi kanak-kanak |

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2. | Memastikan pihak berkuasa mempunyai garis panduan dalam mempertimbangkan permohonan perkahwinan bawah umur. | Menjadikan garis panduan permohonan perkahwinan bawah umur sebagai suatu bentuk undang-undang (kaedah-kaedah) di bawah Akta 164. | Garis panduan permohonan perkahwinan bawah umur 18 di bawah Akta 164 dibangunkan. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. JPN | 1. Pertimbangan ke atas permohonan perkahwinan bawah 18 tahun diperketat dengan syarat-syarat tertentu yang secara tidak langsung boleh mengekang lebih banyak permohonan perkahwinan bawah umur.<br>2. Sekiranya permohonan diluluskan, syarat-syarat dan penilaian yang dibuat dapat menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup pasangan bawah umur.<br>3. Permohonan yang disokong oleh justifikasi yang kukuh sahaja akan dibenarkan oleh Hakim Syarie. |
| | | Menggubal tatacara perkahwinan bawah umur dalam bentuk undang-undang di bawah Akta 303. | Tatacara perkahwinan bawah umur dalam bentuk undang-undang diwujudkan di bawah Akta 303. Punca kuasa kepada penyediaan Laporan Sosial di bawah Kaedah-Kaedah diwujudkan. | Jangka panjang: 2020-2025 | 1. JAKIM (Agensi peneraju)<br>2. AGC<br>3. MAIN | |
| 3. | Memastikan pihak yang berwajib memberikan kebenaran permohonan perkahwinan bawah umur mendapat pendedahan yang sewajarnya mengenai hak kanak-kanak | 1. Mengadakan seminar dan latihan kepada Hakim Syarie mengenai hak kanak-kanak termasuklah mengenai perkahwinan bawah umur.<br>2. Mengadakan advokasi kepada Menteri Besar dan pegawai-pegawai yang diturunkan kuasa mengenai hak kanak-kanak termasuklah mengenai perkahwinan bawah umur. | 1. Sekurang-kurangnya 2 siri seminar diadakan kepada Hakim Syarie.<br>2. Satu sesi advokasi bersama Menteri Besar dan pegawai-pegawai yang diturunkan kuasa. | Jangka sederhana: 2020-2023 | 1. JKSM<br>2. JPN | |

## FAKTOR 6:
# Penyelarasan data perkahwinan dan perceraian bawah umur

**OBJEKTIF:**
Memastikan data mengenai perkahwinan dan perceraian bawah umur adalah komprehensif dan menepati keperluan semasa.

| Bil | Strategi | Program / Tindakan | Indikator | Tempoh Laksana | Agensi Pelaksanaan | *Outcome* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menyelaras statistik perkahwinan dan perceraian di Malaysia termasuklah di bawah umur 18 tahun | Menyediakan statistik perkahwinan dan perceraian di Malaysia (orang Islam dan bukan Islam) termasuklah di bawah umur 18 tahun mengikut jantina, etnik, umur dan negeri. | 1. Penubuhan 1 Jawatankuasa Khas Antara Agensi.<br>2. Statistik perkahwinan dan perceraian di Malaysia (orang Islam dan bukan Islam) termasuklah di bawah umur 18 tahun dihasilkan.<br>3. Satu pangkalan data perkahwinan dan perceraian di negeri-negeri. | Jangka pendek: 2020-2021 | 1. Jabatan Perangkaan Malaysia (Agensi peneraju) | Senario perkahwinan dan perceraian di Malaysia boleh dilihat dengan lebih meluas dan dianalisis untuk merangka tindakan-tindakan pelaksanaan. |